



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAH PENGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

29 MEI 2021 (SABTU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

29 MEI 2021 (SABTU)

Lebih 500,000 pekerja sektor runcit divaksin bulan depan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Lebih 500,000 pekerja dalam sektor peruncitan akan menerima manfaat Program Vaksinasi Barisan Hadapan Ekonomi-Sektor Peruncitan, bermula Jun ini.

Program suntikan vaksin

untuk pekerja sektor terbabit adalah hasil kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexan-

der Nanta Linggi, berkata ia berikutan pekerja sektor peruncitan juga dalam barisan hadapan yang penting untuk memastikan bekalan makanan dan barang keperluan harian di negara ini mencukupi.

Nasional 3

Penularan COVID-19

144 kompleks perniagaan sudah diperiksa KPDNHEP

MySejahtera
pelanggan turut
ditinjau dalam
Operasi
Had 2 Jam

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebanyak 144 kompleks perniagaan di seluruh negara sudah diperiksa pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sepanjang dua hari pelaksanaan Operasi Had 2 Jam (OPS HAD2J).

Menyeru, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata 7,179 pengunjung juga diperiksa aplikasi MySejahtera masing-masing bagi menentukan tidak berada di premis melebihi tempoh maksimum dua jam.

Katanya, pemeriksaan pada kelmarin dan Rabu masih memupuk kompleks perniagaan besar yang berpotensi menjadi tempat tumpuan orang ramai.

“Tempoh paling singkat pengunjung dikesan (berada dalam premis) adalah lima minit, manakala paling panjang adalah satu jam 50 minit.

“Setakat ini tiada kompaun dikeluarkan,” katanya kepada media selepas tinjauan pemantauan OPS HAD2J di kompleks beli-belah Mid Valley di sini, semalam.

Ahad lalu, Alexander mengumumkan KPDNHEP akan menguatkuasakan SOP PKP 3.0 Sektor Perdagangan Pengedaran, su-



Alexander bersama pegawai KPDNHEP memeriksa aplikasi MySejahtera pengunjung ketika OPS HAD2J di kompleks beli-belah Mid Valley, Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Aizuddin Saad/BH)

sulan keputusan sidang khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) pengurusan COVID-19 bagi memperketatkan pelaksanaan PKP 3.0.

Ia antara lain menetapkan tempoh dua jam maksimum untuk setiap pelanggan berada dalam premis peruncitan dan akan dipantau menerusi aplikasi MySejahtera yang diimbas orang ramai sebelum memasuki premis berkenaan.

Selain itu, waktu operasi sektor perdagangan pengedaran termasuk semua premis peruncitan, pemborongan, pengedaran dan restoran dihadkan antara jam 8 pagi sehingga 8 malam.

Penguat kuasa KPDNHEP akan ditugaskan bagi memantau premis perniagaan yang dikenal

pasti dan menjadi tumpuan ramai pembeli bagi mengekang pandemik COVID-19.

Alexander berkata, penguatkuasaan OPS HAD2J akan diteruskan ke premis lain, termasuk pasar malam, pasar tani, premis runcit dan kedai serbaneka bagi memastikan pematuhan penuh tempoh maksimum dua jam.

Untuk memastikan keberkesanan had masa maksimum itu, katanya, orang ramai digalak merancang perjalanan dan menyenaraikan barang yang ingin dibeli.

“Selain pematuhan had masa maksimum dua jam, semua pihak, sama ada pengguna atau peniaga perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang sedia ada.

“KPDNHEP memohon kerjasama daripada pengurusan kompleks, pasar raya, agensi dan sebagainya untuk berperanan ke arah memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap perkara ini,” katanya.

Alexander berkata, penggunaan buku rekod dibenarkan untuk kawasan yang ada masalah liputan internet, selain bagi mereka yang tidak mempunyai telefon pintar.

“KPDNHEP mengalu-alukan pendekatan kreatif pengusahaan kompleks seperti memperkenalkan sistem pelekat berwarna mengandungi tarikh dan waktu masuk pelanggan, selain meletakkan pegawai khusus bagi mengingatkan pelanggan mengenai pematuhan SOP,” katanya.

Lebih 500,000 pekerja peruncitan bakal disuntik vaksin

Oleh SUBKHI SUDARJI

PUTRAJAYA — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi Covid-19 (CITF) akan melaksanakan Program Vaksinasi Barisan Hadapan Ekonomi-Sektor Peruncitan bermula Jun depan.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, lebih daripada 500,000 pekerja sektor peruncitan akan mendapat manfaat di bawah program tersebut.

Beliau berkata, perjumpaan bersama CITF, persatuan dan pemain industri peruncitan telah diadakan semalam dengan dihadiri oleh 60 orang wakil pemain industri peruncitan.

"Memandangkan situasi pan-

ningkat, pemberian vaksin kepada barisan hadapan ekonomi dilihat sangat mendesak untuk disegerakan khususnya dalam kalangan pekerja-pekerja dalam sektor peruncitan bagi membantu mencapai imuniti kelofif-pok di negara ini.

"Sebagai barisan hadapan ekonomi, sektor peruncitan penting dalam memastikan bekalan makanan dan barang keperluan harian sentiasa mencukupi untuk memenuhi keperluan pasaran," katanya menerusi kenyataan akhbar semalam.


Ujarnya, melalui program itu, KPDNHEP telah diberi tanggungjawab untuk merancang dan menyelaraskan program vaksinasi sektor peruncitan dengan semua pemain industri berkaitan.

Katanya lagi, kementerian turut bekerjasama dengan Persa-

laysia (PPK), Malaysia Retailers Association (MRA) dan Malaysia Retail Chain Association (MRCA) bagi mewujudkan pusat pembeiran vaksin (PPV) di lokasi strategik di seluruh negara.

"Semua syarikat dibawah sektor peruncitan menyertai program vaksinasi ini bagi memutuskan rantaian jangkitan Covid-19 seperti mana sasaran kerajaan iaitu 80 peratus populasi diberikan vaksin sebelum akhir tahun ini," katanya.

Syarikat yang berminat untuk menyertai program itu boleh mengemukakan permohonan melalui <https://www.vaksinncovid.gov.my/> atau berhubung dengan KPDNHEP melalui Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPTP) di talian hotline 03- 8882 5881/ 5905 atau melalui e-mel spip@kpdnhep.gov.my.



KESIHATAN sektor peruncitan penting bagi memastikan keperluan makanan dan barang keperluan harian sentiasa mencukupi untuk keperluan pengguna. — GAMBAR HIASAN

VACCINATIONS FOR RETAILERS

Jabs for 500,000 'economic frontliner' retail staff

PUTRAJAYA: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry is working with the Covid-19 Immunisation Task Force (CITF) to roll out a vaccination drive for retail workers next month. The Economic Frontliners Vaccination Programme, said Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, was crucial as the retail sector ensured the supply of food and daily necessities.

He said more than 500,000 retail workers would benefit from the programme.

"The ministry would like to call on all companies in the retail sector to join this vaccination programme to break the chain of the Covid-19 infection."

He said giving vaccines to retail workers would indirectly help achieve herd immunity.

"The ministry is responsible

for planning the retail sector vaccination programme with all industry players.

"At the same time, we also collaborated with Malaysia Shopping Malls Association, Malaysia Retailers Association and Malaysia Retail Chain Association to establish vaccination centres at strategic locations," he said in a statement yesterday.

Earlier, Nanta held a meeting

with CITF and 60 industry players, including representatives from the associations.

He said companies interested in participating in the programme could apply at www.vaksincovid.gov.my, contact the ministry through the Secretariat of Distributive Trade and Services Industry at 03-8882 5881 / 5905 or email spip@kpdnhep.gov.my.

HARI : SABTU
TARIKH : 29/05/2021
M/SURAT : 5



KPDNHEP pantau
pelanggan lebih
masa dalam
premis

KPDNHEP pantau pelanggan lebih masa

Kompaun RM2,000 akan dikenakan jika didapati ingkar SOP.

Oleh NORHASIDA YATIM
KUALA TERENGGANU

memberi tumpuan kepada pasar raya, kompleks beli-belah, pasar tani, pasar malam dan lain-lain premis yang menjadi tumpuan orang ramai.

“Operasi ini juga akan dilakukan secara bersepadu melibatkan agensi pengawalkuasaan yang lain seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pihak berkvasa tempatan (PBT),” katanya menerusi satu kenyataan pada Jumaat.

Beliau menegaskan individu yang didapati melanggar had masa maksimum dua jam akan dikenakan kompaun sebanyak kompaun yang telah diberikan kepada pihak kementerian.

“Orang ramai disarankan merancang perjalanan dan menyeraikan barang yang ingin dibeli terlebih dahulu serta segera beredara dari premis setelah turuskan selesa!

“Premis perniagaan pula perlu meletakkan seorang pekerja di gerbang untuk memantau pelanggan yang bermula pada jam 2 petang sehingga ke pagi hari,” katanya.

Sejahtera sahaja yang dibenarkan masuk ke kompleks atau premis masing-masing,” katanya.

Saharuddin berkata, seramai 174 anggota KPDNHEP Terengganu akan menjalankan pengawalkuasaan bagi memastikan SOP ditetapkan dipatuhi serta memantau harga barang.

“Seramai 115 orang Pegawai Pengawalkuasa dan 59 orang Pegawai Pemantau Harga akan berada di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai untuk menjalankan pemerkasaan dan permantauan.

“Ia bagi memastikan keberadaan serta ketabilan harga barang-barang keperluan harian di pasaran terutamanya dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Sebarang maklumat salah laku atau aduan boleh disalurkan kepada KPDNHEP bagi memastikan para peniaga dan pengguna sentiasa mematuhi peraturan ditetapkan,” katanya.



Anggota pengawalkuasa KPDNHEP melakukan pemantauan terhadap pelanggan bagi memastikan mereka membeli barang had masa di tetapkan.

teria.

“Selain itu mereka perlu melakukan penilaian risiko terhadap pelanggan melalui semakan suhu badan serta memastikan para peniaga dan pengguna sentiasa mematuhi status ‘Low Risk’ dalam My-

ketika untuk memantau tempoh kerja untuk memantau pelanggan berada di premis, menampal notis jumlah had pelanggan yang dibenarkan di pintu masuk premis, menyediakan alat pengimbas suhu, buku rekod, QR kod MySejahtera

“Selain itu mereka perlu melakukan penilaian risiko terhadap pelanggan melalui semakan suhu badan serta memastikan para peniaga dan pengguna sentiasa mematuhi status ‘Low Risk’ dalam My-